

**PENGARUH KERAJAAN HAFSID, ILKHANID DAN RASULIYYAH DI MEKAH
DAN IMPLIKASI TERHADAP PEMERINTAHAN SHARIF MEKAH
PADA ERA MAMLUK**

(The Influence of Hafsid, Ilkhanid and Rasulid in Mecca and its Implication Towards the Sharifate of Mecca during the Mamluk Era)

Mohamad Yusof Shah Mahmood* & Mohd Roslan Mohd Nor**

Abstrak

Mekah merupakan kota paling suci buat umat Islam di dunia dan keberadaan Ka'bah menjadi simbol kepada penyatuan kepada umat Islam. Sewaktu periode Mamluk sebelum dan selepasnya pemerintahan kota Mekah adalah dibawah pengelolaan Sharif Mekah dalam kalangan Bani Qutadah yang merupakan keturunan Rasulullah SAW. Selain daripada Mamluk Mekah menjadi medan persaingan beberapa kerajaan Islam seperti Hafsid, Ilkhanid dan Rasuliyah untuk menyebarkan pengaruh mereka dalam usaha mendapatkan legitimasi terhadap pemerintahan mereka. Bagi meneliti apakah implikasi pengaruh mereka terhadap pemerintah Mekah kajian ini dilakukan kerana masih belum terdapat sebuah kajian yang mengaitkan perkara tersebut. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kaedah kualitatif untuk mengumpul data melalui kandungan sumber sejarah serta tatacara analisis dijalankan secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati usaha penyebaran pengaruh mereka terhadap pemerintahan Mekah tidak konsisten kerana terdapat keadaan yang membawa implikasi yang positif manakala pada keadaan yang lain menyebabkan implikasi negatif.

Kata kunci: Sharif Mekah, Hafsid, Ilkhanid, Rasuliyah, Mamluk, persaingan, pengaruh

Abstract

Mecca is the Muslim's holiest land in the world and Ka'abah as a symbol of unity in Islam. During Mamluk's rule, before and after them Mecca is administered by the Sharif of Mecca among Bani Qutadah whom are legitimate descendants of Prophet Muhammad PBUH. Moreover beside Mamluk Mecca has become a place where some of Muslim ruling dynasties like Hafsid, Ilkhanid and Rasulid are competing towards spreading their influences in order to gain legitimacy for their government. This research is done to find out what kind of implication from spreading their influences in Mecca towards the Sharifate government and therefore qualitative method is applied to collect historical data and analysis by descriptive. The outcome of this research found that there is an inconsistency impact of implication towards Sharifate administration based on condition and situation which found to be positive and negative as well.

Keywords: Sharif of Mecca, Hafsid, Ilkhanid, Rasulid, Mamluk, competition, influence

* Mohamad Yusof Shah bin Mahmood, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel : alsharifyusof222@gmail.com

** Mohd Roslan bin Mohd Nor (PhD), Profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel : m_roslan@um.edu.my

Pendahuluan

Pemerintahan Sharif Mekah sebelum daripada periode Mamluk telahpun wujud sejak zaman Abbasiyyah dan Ayyubiyyah yang diasaskan oleh Qutadah bin Idris yang mana keturunannya dikenali sebagai Bani Qutadah. Ketika Mekah telah memasuki fasa naungan Mamluk sewaktu zaman pemerintahan Abu Numayy I memperlihatkan usaha beberapa kerajaan Islam seperti Hafsid, Ilkhanid dan Rasuliyyah berusaha untuk mengembangkan pengaruh mereka di Mekah sebagai simbolik untuk memperolehi legitimasi terhadap pemerintahan kerajaan mereka. Menerusi apa yang diriwayatkan melalui sejarah adalah penting untuk meneliti apakah impak yang terbit disebalik usaha pengembangan pengaruh Hafsid, Ilkhanid dan Rasuliyyah di kota Mekah terhadap pemerintahan Mekah. Maka makalah ini disediakan untuk mengkaji apakah jenis impak yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan tersebut melalui pengaruh mereka terhadap pemerintahan Sharif Mekah pada era Mamluk. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kualitatif maka instrumen yang diaplikasikan adalah melakukan analisis terhadap kandungan terhadap sumber-sumber sejarah sepertimana termaktub melalui buku, jurnal dan tesis. Dengan demikian maklumat yang relevan dengan topik ini telah melalui proses analisis berdasarkan metode deskriptif agar memperolehi hasil kajian secara sistematik.

Pengaruh Hafsid

Kerajaan Hafsid (al-Hafsiyyah) yang diasaskan oleh Abu Zakariya Yahya bin Hafs pada 1229M¹ sebagai Sultan yang pertama di Tunisa tidak menunjukkan minat untuk mengembangkan pengaruh mereka di Mekah pada awal pengasasannya. Kedudukan geografi yang berada di bahagian utara bahagian Afrika menunjukkan kejauhan dari sudut wilayah kerana tidak terdapat sempadan yang secara langsung menghubungkan antara negeri Tunisia dengan bumi Hijaz dijangka turut menyumbang kepada limitasi bagi mengembangkan pengaruh ke kota Mekah. Pengembangan pengaruh Hafsid di Mekah dipercayai mulai mengambil tempat ketika pemerintahnya yang kedua iaitu Muhammad al-Muntasir yang memproklamasikan dirinya sebagai Khalifah. Bagi mengukuhkan legitimasi kepada gelaran khalifah yang diumumkankannya pengaruh Hafsid di Mekah disebabkan mereka berbangsa Berber walaupun terdapat klaim bahawa mereka adalah berketurunan Quraisy melalui susur galur yang bernasabkan kepada Khalifah Umar bin al-Khattab RA² manakala al-Qalqashandi meragukan klaim tersebut.³ Tanda-tanda kearah usaha mengembangkan pengaruh Hafsid ke Mekah mengambil tempat melalui ketibaan Ibn Sab'in di Mekah berperanan sebagai duta kepada kerajaan Hafsid. Ini kerana atas nasihatnya Sharif Mekah Abu Numayy I mengiktiraf kedudukan al-Muntasir sebagai Khalifah pada 1253M dan ini disusuli dengan doa atas namanya di kota Mekah.⁴ Walaupun sebelum itu Mamluk mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah Hafsid, disebabkan proklamasi mereka terhadap jawatan Khalifah dan usaha menyebarkan pengaruh mereka ke Mekah telah menyebabkan permusuhan antara mereka dengan Sultan Baybars I Mamluk. Baybars I juga mengkritik al-Muntasir kerana

¹ John Middleton, *World Monarchies and Dynasties* (Oxon:Routledge,2005), 365.

² Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin al-Shamaa', *Al-Adalah al-Bayyinah al-Nuraniyah fi Mafakhir al-Dawlah al-Hafsiyah* (Tunisia: Dar al-Arabiyyah lil Kitab,1984), 176.

³ Ahmad bin Ali bin Ahmad Al-Qalqashandi, *Al-Subh al-Ashya' fi Sona'ah al-Ishya'* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2012), 1:145

⁴ Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun, *Kitab al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabr fi Tarikh al-'Arab wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar* (Lubnan: Dar al-Fikr, 2001), 6:407.

tidak terlibat dalam memberikan tentangan terhadap Tentera Salib.⁵ Bertitik tolak daripada kurang senang atas klaim mereka itu mengambil kesempatan atas kekurangan mereka dari sudut nasab, Baybars bukan sahaja melaksanakan idea untuk menghidupkan kembali Khalifah Abbasiyyah di Kaherah untuk dijadikan simbol legitimasi pemerintahan Mamluk dalam dunia Islam tetapi juga merendahkan martabat Hafsidi dengan cara tersebut agar pengaruh mereka segera berakhir di Mekah.

Pemerintah Mekah pada ketika itu mengurniakan pengiktirafan kepada Hafsidi terhadap klaim Khalifah dan doa atas nama mereka. Selain daripada itu tidak disebutkan apakah pemerintah Mekah pada ketika itu diberikan bantuan sama ada dari sudut ketenteraan mahupun kewangan. Terdapat kemungkinan wang sejumlah 80,000 Dinar yang diagihkan Ibn Sab'in dalam kalangan penduduk Mekah⁶ merupakan pemberian daripada pemerintah Hafsidi. Hal ini boleh dianggap sebagai implikasi positif terhadap pemerintah Mekah kerana dana tersebut disalurkan kepada rakyat Mekah menunjukkan aliran bantuan kewangan ke kota suci tersebut. F.E. Peters menyatakan ketika keberadaan Ibn Sab'in di Mekah menyaksikan persaingan antara Mamluk dan Rasuliyah dalam giat berusaha untuk mendapatkan sokongan pembesar tempatan sehingga pihak Mamluk dan Rasuliyah memusuhi Ibn Sab'in dan mengenakan tekanan terhadapnya.⁷ Antaranya tindakan Baybars yang menahan salah seorang putera Ibn Sab'in dilihat sebagai tekanan untuk menamatkan pengaruh kerajaan Hafsidi di Mekah. Manakala penglibatan Rasuliyah disebalik pembunuhan Ibn Sab'in menguatkan lagi persaingan mereka untuk mendapatkan pengaruh di kota suci tersebut.⁸ Peristiwa pembunuhan Ibn Sab'in merupakan petanda awal kepada pengakhiran pengaruh Hafsidi yang bakal berlaku.

Pasca daripada insiden pembunuhan Ibn Sab'in lebih memberikan kelebihan kepada Mamluk berbanding Rasuliyah untuk memperkukuhkan pengaruh mereka sehingga membawa kepada pengakhiran pengaruh kerajaan Hafsidi. Hal ini disebabkan ketangkasan Baybars I dalam bertindak untuk melaksanakan usaha berkenaan seperti mengirihkan kiswah Ka'bah selain terlibat dalam projek pemulihan lokasi-lokasi penting di Madinah selain sumbangan kewangan untuk Tanah Haram, minyak pembakar, lilin, dan minyak wangi.⁹ Penyaluran hadiah-hadiah tersebut ke Tanah Haram adalah merupakan strategi Baybars I bagi memperoleh sokongan daripada penduduk mereka di atas kebajikan yang dibuat yang menyumbang kepada pemerintah Mekah untuk mengkaji semula perhubungan antara mereka dengan kerajaan Hafsidi.

Apa yang pasti Hafsidi tidak menyalurkan bantuan yang bersifat naungan politik kepada Abu Numayy I dalam usaha mempertahankan pemerintahannya. Teori ini dibina berdasarkan peristiwa dimana pemerintah Mekah tersebut meminta bantuan Baybars I untuk membantu menyekat Sharif Madinah daripada membantu ayahanda saudaranya Idris bin Ali bin Qutadah untuk menentangnya selain mendapati menyokong Idris untuk menurunkan Abu Numayy daripada pemerintahan. Persetujuan Baybars I untuk membantu disusuli dengan syarat doa perlu buat atas namanya di Mekah, larangan mengenakan cukai tambahan dan

⁵ Ahmad bin Ali bin Abd al-Qadir al-Maqrizi, *al-Suluk li Ma'rifah Dual al-Mamluk* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1997), 2:77

⁶ Westerveld merujuk kepada tulisan Kutubi Fawat al-Wafayat. Lihat: Govert Westerveld, *Ibn Sab'in of the Ricote Valley; The First and Last Islamic Place in Spain* (Spain: Academia de Estudios Humanisticos de Blanca, 2014), 102

⁷ F.E. Peters, *Mecca: A Literary History of the Muslim Holy Land* (New Jersey: Princeton University Press, 1994), 150.

⁸ Anna Akasoy. "The Muhaqqiq as Mahdi?," dalam *Eschatologie in den monotheistischen weltreligionen*, ed. Wolfram Brandes dan Felicitas Schmieder (Berlin: Walter de Gruyter GmbH & Co. KG, 2008), 326-327

⁹ al-Maqrizi, *al-Suluk*, 2:60

penempatan matawang atas namanya serta memberikan peruntukkan sebanyak 20,000 Dirham setahun.¹⁰ Penerimaan syarat-syarat tersebut menjadikan Mekah bernaung kepada Mamluk. Kedatangan Baybars I untuk mengerjakan Haji pada 667H/1269M menandakan pengusiran terhadap mereka yang simpati terhadap kerajaan Hafsid daripada Mekah menghentikan doa atas nama pemerintah mereka yang digantikan dengan nama Baybars I menandakan berakhirnya pengaruh Hafsid di Mekah.¹¹

Pengaruh Ilkhanid

Kewujudan kerajaan Ilkhanid (al-Ilkhaniyyah) sejak 1256M didapati tidak mempunyai motif untuk menyebarkan pengaruh ke Mekah kerana mereka bukan sebuah kerajaan Islam pada ketika itu. Kewujudan dinasti ini dianggap penting dalam sejarah dunia kerana pengasasnya Hulagu Khan merupakan cucu kepada Genghis Khan yang terkenal kerana memimpin sebuah empayar yang besar pada masanya.¹² Nasab pemerintah Ilkhanid yang bersambung kepada Genghis Khan juga memberikan kelebihan buat dinasti ini dalam usaha mengembangkan pengaruhnya kerana reputasi para pendahulu yang terdiri daripada nenek-moyang mereka yang berkecimpung dalam dunia politik dan pemerintahan. Walaupun demikian sewaktu zaman Hulagu Khan pemerintah dinasti berkenaan masih belum menerima Islam sebagai agama mereka walaupun mereka berhasil menguasai negeri-negeri umat Islam terutamanya Baghdad.

Perubahan yang melibatkan kepercayaan agama mengambil tempat pada tempoh 1291-1316M apabila Oljeitu bin Arghun bin Abaqa Khan bin Hulagu Khan yang beragama Buddha sehingga 1291M mengambil keputusan untuk memeluk Kristian sehingga 1295M dan kemudian memeluk agama Islam yang berorientasikan bermazhab Hanafi pada 1310M dan akhirnya kepada mazhab Imamiyah menjelang 1309M.¹³ Sebab perubahan mazhab oleh Oljeitu adalah disebabkan kepada pertikaian antara mazhab Hanafi dan Shafi'i yang berlarutan.¹⁴ Ketidakkonsistensi dalam menetapkan agama rasmi mereka dipengaruhi oleh situasi dan dasar politik yang diamalkan mereka pada ketika itu.

Idea untuk menyebarkan pengaruh Ilkhanid ke Mekah bertitik tolak daripada permusuhan mereka dengan Mamluk. Bermula daripada penaklukan Baghdad oleh Hulagu Khan dianggap peristiwa bersejarah kerana telah mengakibatkan pengakhiran kepada kerajaan Abbasiyyah dengan jatuhnya Khalifah al-Musta'sim pada 1258M.¹⁵ Pengakhiran tersebut dilakukan oleh pihak Ilkhanid turut memberikan manfaat buat Mamluk yang mengambil peluang dengan mewujudkan Khalifah Abbasiyyah mengikut acuan mereka bagi memperolehi legitimasi pemerintahan berbanding kerajaan-kerajaan Islam yang lain. Manakala buat Sharif Mekah hal tersebut tidak memberikan implikasi secara langsung walaupun dasar Abbasiyyah mengamalkan dasar menidakan hak kepimpinan keturunan

¹⁰ Al-Maqrizi, *Kitab al-Suluk*, 2:61

¹¹ Ibid.

¹² Peter Jackson, *The Mongol and the Islamic World: From Conquest to Conversion* (Wales: Yale University Press, 2017), 217.

¹³ Michael Hope, *Power, Politics, and Tradition in the Mongol Empire and the Ilkhanate of Iran* (Oxford: Oxford University Press, 2016), 185.

¹⁴ Ann K.S. Lambton, *Continuity and Change in Medieval Persia* (New York: Bibliotheca Persica, 1988), 255.

¹⁵ Hala Fattah dan Frank Caso, *A Brief History of Iraq* (New York: Facts On File, Inc., 2009), 101.

Rasulullah SAW melalui jalur Khalifah al-Hasan bin Ali RA.¹⁶ Sejarah juga menyaksikan perseteruan mereka dengan pihak Mamluk apabila pada mereka berperang antara satu sama lain terutamanya menerusi peperangan Ain Jalut 1260M yang membawa kemenangan kepada Mamluk ketika Ilkhanid mengalami kekalahan di beberapa wilayah yang diambil Mamluk.¹⁷ Walaubagaimanapun peperangan tersebut tidak memberikan impak terhadap pemerintahan Sharif Mekah kerana mereka tidak terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung disebabkan faktor geografi yang berbeza yang tidak melibatkan Mekah mahupun Hijaz. Hal ini juga menjadikan pemerintahan Mekah pada ketika itu bersikap netral yakni tidak menyokong mahupun menentang pihak Ilkhanid dan tidak juga dirisaukan terdapat usaha mereka untuk melakukan ekspedisi ketenteraan ke Mekah sepertimana yang pernah dilakukan oleh Tentera Salib pada zaman Sharif Mekah Qutadah bin Idris. Ini mungkin kerana pada ketika itu pemerintah Ilkhanid tidak berminat untuk mencari legitimasi yang berbentuk agama selain menunjukkan matlamat penyebaran empayar mereka tertumpu kepada urusan duniawi seperti kekayaan dan kemakmuran sepertimana terdapat di Baghdad menyebabkan tidak berminat untuk menguasai atau menyebarkan pengaruh di kota Mekah pada ketika itu.

Usaha awal kerajaan Ilkhanid untuk menyebarkan pengaruh mereka di Mekah dikenali bermula melalui Ghazan Khan yang mengirinkan Mahmal ke Mekah pada 702H/1303M sebelum kemangkatannya dan disusuli dengan pengiriman Mahmal oleh Oljeitu bersama jemaah haji Iraq pada 710H/1310M.¹⁸ Penghantaran Mahmal merupakan simbolik kepada minat mereka untuk menjalin hubungan diplomatik mereka dengan pemerintah Mekah. Juga menarik perhatian adalah ketika jalinan tersebut dibuat kerajaan Ilkhanid bermazhab Sunni dan ini dianggap sebagai kelebihan buat mereka dalam usaha mengembangkan pengaruh bukan sahaja di Mekah tetapi dunia Islam amnya. Ilkhanid juga dipercayai sengaja memilih masa tersebut yakni setelah daripada kemangkatan Abu Numayy I pada 701H/1302M setahun sebelum Ghazan Khan mengirinkan Mahmal menunjukkan terdapat kemungkinan kesukaran mereka untuk menyebarkan pengaruh ke bumi Mekah pada ketika itu kerana disebabkan dominannya kedudukan Abu Numayy I dalam pemerintahan disamping persaingan pengaruh yang kuat antara Mamluk dan Rasuliyah di Mekah.

Kemasukan pengaruh Ilkhanid secara serius dalam pemerintahan Sharif Mekah mengambil tempat ketika keberangkatan Humaydah bin Muhammad Abu Numayy I ke Iraq pada 715H/1315M. Sebab disebalik lawatannya adalah bagi meminta bantuan daripada kerajaan Ilkhanid untuk melawan Mamluk.¹⁹ Permintaan tersebut diperkenankan apabila Humaydah dibekalkan dengan ribuan tentera berbangsa Mongol dan Arab dibawah pimpinan al-Sayyid Talib al-Dilqandi untuk menjadikan Hijaz naungan Ilkhanid bagi menggantikan Mamluk. Masalah timbul buat Humaydah apabila sebahagian besar tentera menarik diri ekoran tiba khabar kemangkatan Uljaitu sewaktu mereka berada di Basrah menyebabkan mereka hanya tinggal 700 orang.²⁰ Menerusi saki baki tentera yang tinggal tersebut Humaydah tidak berupaya berhadapan dengan pasukan Badwi yang berkapasiti besar sejumlah 4000 orang yang dipimpin Muhammad bin Isa yang dihantar oleh al-Nasir

¹⁶ Al-Mansur menafikan hak kepimpinan keturunan Rasulullah SAW melalui al-Hasan bin Ali dalam jawabannya kepada Muhammad al-Nafs al-Zakiyyah. Lihat: Abu Ja'far Muhammad bin Jarir Al-Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk* (Beirut: Dar al-Turath, 1967), 7: 569-571.

¹⁷ Reuven Amitai-Preiss, *Mongols and Mamluks: The Mamluk-Ilkhanid War, 1260-1281* (Cambridge: Cambridge University Press, 1995), 47.

¹⁸ Charles Melville, "The Year of the Elephant' Mamluk-Mongol Rivalry in the Hejaz in the Reign of Abu Said (1317-1335)." *Studia Iranica* 21 (1992), 197-214.

¹⁹ 'Az al-Din 'Abd al-'Aziz bin Umar Ibn Fahd, *Ihtaf al-Wara bi-Akhbar Umm al-Qura* (Mekah: Universiti Umm al-Qura', 1988), 3: 153-154.

²⁰ *Ibid.*, 3: 155-156.

Mamuk.²¹ Walaupun demikian cubaan dan usaha Humaydah untuk bekerjasama dengan Ilkhanid telah berhasil menakutkan sekaligus menundukkan kesombongan al-Nasir yang membawa kepada menawarkan pengampunan kepadanya dengan syarat kemestiannya untuk meninggalkan Hijaz dan menetap di Mesir sesuatu yang enggan diterimanya. Setelah Humaydah berhasil menguasai Mekah pada Safar 718H/April 1318M menyaksikan doa dibuat atas nama Sultan Abu Sa'id Bahadur Khan pemerintah Ilkhanid.²² Walaupun hanya berlangsung selama sebulan yakni sebuah tempoh yang singkat keadaan tersebut menunjukkan komitmen Humaydah yang tidak menyerah kalah terhadap Mamluk selain membalas kebaikan yang ditunjukkan Ilkhanid terhadapnya memberikan implikasi yang positif bagi menghargai jasa mereka kerana menyokong perjuangannya. Namun akibat daripada pemihakan Humaydah terhadap Ilkhanid merupakan punca pembunuhannya oleh pihak Mamluk.

Pasca kemangkatan Humaydah tidak menamatkan usaha pihak Ilkhanid untuk menyebarkan pengaruh mereka di Mekah. Metode yang menjadi pilihan pada kali ini bukan melalui kekuatan ketenteraan mahupun peperangan tetapi melalui budaya tradisi mereka. Pada tahun 730H/1330M menyaksikan kedatangan jemaah haji Iraq dengan menunggang gajah yang bernilai 30,000 Dirham dikirimkan Sultan Abi Sa'id bersama mereka yang kemudian mati sewaktu di Madinah tanpa sempat pulang ke tanah air mereka.²³ Walaupun Al-Barzali dan al-Tabari tidak pasti apakah sebab disebalik kehadiran gajah tersebut di Mekah tetapi menurut al-Siba'i pihak Ilkhanid ingin menyebarkan propaganda budaya dan identiti negara mereka kepada dunia luar.²⁴ Umumnya kehadiran gajah tersebut tidak dilihat sebagai ancaman mahupun implikasi negatif terhadap pemerintah Mekah secara khusus, pengkaji mendapati tujuan tersebut adalah bersifat politik yang ingin memberikan isyarat pihak Ilkhanid yang berhasrat untuk menakluki jajahan Mamluk. Ini kerana gajah melambangkan simbol penguasaan menurut kepercayaan Buddha²⁵ yang sebatian dengan keluarga Ilkhanid sebelum memeluk Islam. Kerajaan Ilkhanid cuba mengambil peluang dengan memanfaatkan konflik yang berlaku antara Ashraf Mekah dengan Mamluk pada tahun tersebut yang mencetuskan rusuhan untuk mengukuhkan pengaruh mereka walaupun tidak terdapat tanda-tanda sokongan daripada Sharif Mekah terhadap Ilkhanid pada ketika itu. Peristiwa tersebut menandakan cubaan terakhir Ilkhanid untuk menyebarkan pengaruh mereka di Mekah kerana pasca kemangkatan Sultan Abi Sa'id pada 1335M telah membawa kepada perpecahan dalam kalangan mereka yang membentuk beberapa dinasti pemerintahan sekaligus menamatkan empayar Ilkhanid yang satu. Salah satu dalam kalangan mereka adalah Kesultanan Jalariyah yang memerintah Iraq dan sultan mereka bernama Uwais bin Hasan sempat didoakan di Mekah atas arahan Sharif Mekah Ajlan bin Rumaythah pada 772H/1371M untuk tempoh tertentu yang tidak dinyatakan secara jelas.²⁶ Perkara tersebut dilakukan Ajlan sebagai usaha menjalin kembali hubungan diplomatik dengan Iraq yang sebelum ini dibelenggu dengan permusuhan apabila jemaah haji mereka tidak dibenarkan untuk ke Mekah pada zaman pemerintahan Sharif Mekah Rumaythah bin Abu Numayy I.²⁷ Maka setelah itu tidak dinyatakan apakah terdapat usaha daripada kerajaan-kerajaan pecahan

²¹ Ibid.

²² Taqi al-Din Muhammad bin Ahmad al-Hasani Al-Fasi, *Al-Aqd al-Thamin fi-Tarikh al-Balad al-Amin* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1998), 3:450.

²³ Ibid., 2:297.

²⁴ Ahmad bin Muhammad Ahmad Al-Siba'i, *Tarikh Mekah* (Arab Saudi: Maktabah al-Malik Fahd, t.t.), 308-309.

²⁵ Menurut kepercayaan agama Buddha gajah putih adalah simbolik kepada penguasaan dan keagungan. Lihat Kevin Trainor, "The Career of Siddhartha," dalam *Buddhism: The Illustrated Guide*, ed. Kevin Trainor (New York: Oxford University Press, Inc, 2001), 24-25.

²⁶ Al-Fasi, *Shifa' al-Gharam bi-Akhbar Balad al-Haram* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2000), 2: 302.

²⁷ Gerald De Gaury, *Rulers of Mecca* (London: George G. Harrap & Co. LTD, 1951), 103.

Ilkhanid membuat cubaan untuk menyebarkan pengaruh di Mekah. Mungkin dengan tamatnya empayar Ilkhanid telah juga menyebabkan ketidakaktifan bangsa Mongol untuk menghadapi Mamluk dan hal ini dilihat merupakan faktor mereka tidak menunjukkan minat untuk menyebarkan pengaruh melalui Sharif Mekah.

Pengaruh Rasuliyah

Di antara ketiga-tiga kuasa yang bersaing untuk menyebarkan pengaruh di Mekah kerajaan Rasuliyah dianggap unik dan paling senior dalam usaha melaksanakan perkara tersebut. Kerajaan Rasuliyah merupakan antara faktor yang utama kepada sebab keberadaan Mamluk di Mekah. Ini kerana awal kemunculan pengaruh Mamluk bertitik tolak daripada peranan Rasuliyah yang mencampuri urusan dalaman Mekah apabila memberikan sokongan terhadap Idris bin Ali bin Qutadah untuk menurunkan pemerintahan Abu Numayy I. Keadaan tersebut menyebabkan Abu Numayy I meminta bantuan Baybars untuk menghentikan Sharif Madinah daripada menyalurkan bantuan ketenteraan kepada Idris untuk menentangnya. Hal ini membuka lembaran buat Mamluk untuk menaungi Mekah apabila Baybars I bersetuju dan meletakkan syarat mendoakan atas namanya yakni sebagai Sultan Mamluk di Mimbar Masjid al-Haram, larangan mengenakan cukai tambahan dan penenpaan matawang atas namanya serta untuk memberikan peruntukan berjumlah 20,000 Dirham setahun.²⁸

Terdapat beberapa insiden telah membuka ruang yang mengembalikan pengaruh Rasuliyah dalam pemerintahan Mekah. Ketidatepatan janji oleh pihak Mamluk untuk melindungi pemerintahan Abu Numayy I didapati menerusi tindakan Baybars I yang tidak melakukan apa-apa untuk menghalang Sharif Madinah Jammaz bin Shihah yang melancarkan ofensif terhadap Sharif Mekah sebanyak dua kali masing-masing pada 670H/1272M dan 675H/1276M.²⁹ Sesuatu yang bukan sahaja dianggap aneh tetapi tidak bersifat adil kerana Baybars I menyalahkan Abu Numayy I atas apa yang berlaku sedangkan pihaknya tidak memulakan peperangan melainkan mempertahankan penguasaannya. Hal ini merupakan kelemahan Baybars I dan kesalahan tersebut telah membuka ruang buat pengaruh Rasuliyah kembali mendapat sambutan di Mekah walaupun sebelumnya pemerintah Mamluk tersebut melakukan pelbagai usaha untuk menyebarkan pengaruh mereka.

Setelah kemangkatan Baybars I juga Sultan al-Mansur Qalawun meneruskan syarat yang dikenakan oleh pendahulunya tetapi menambah larangan meminta bantuan daripada kerajaan lain untuk menentang Mamluk dan larangan mendoakan atas nama pemimpin lain selain mereka. Syarat ini dipercayai dibuat untuk melindungi pengaruh Mamluk daripada potensi pengaruh Rasuliyah untuk dominan di Mekah pada ketika itu. Ketika itu juga Qalawun bertindak mengkhianati pemerintahan Abu Numayy I sebanyak tiga kali. Kali yang pertama pada 683H menyaksikan pencerobohan tentera Mamluk yang tiba bersama jemaah Haji Mesir ke Mekah untuk menggulingkan pemerintahan Abu Numayy I yang bertemu kegagalan.³⁰ Ketika cubaan pada kali kedua pada 687H/1288M yang memperlihatkan Qalawun menghantar Jammaz juga tidak berjaya³¹ dan ketika kali terakhir pada 689H/1290M yang menghantar tentera Sham juga mengalami kegagalan yang mana insiden itu meragut sebanyak 4000 nyawa sesuatu yang dipertanggungjawabkan atas Qalawun kerana

²⁸ Al-Maqrizi, *Kitab al-Suluk*, 2:61.

²⁹ Al-Fasi, *Al-Aqd al-Thamin*, 2: 152.

³⁰ Al-Siba'i menukil daripada manuskrip kitab al-Arj al-Miski karya al-Tabari al-Makki. Lihat al-Siba'i, *Tarikh Mekah* 298.

³¹ Al-Fasi, *Al-Aqd al-Thamin*, 2:153

menimbulkan huru-hara di Tanah Haram.³² Walaupun demikian Abu Numayy I dipercayai tidak memberhentikan doa buat Qalawun serta merta dalam mana-mana siri pengkhianatan yang berlaku terhadap menunjukkan pihaknya tidak terburu-buru dalam membuat keputusan untuk mendapatkan sokongan Rasuliyyah.

Dua tahun kemudian Abu Numayy I mengeluarkan arahan agar doa dibuat atas nama pemerintahan Rasuliyyah Yaman, Sultan al-Muzaffar pada hari terakhir Rabi' al-Awwal 691H/21 Mac 1292M menggantikan Sultan al-Ashraf Khalil Mamluk.³³ Refleksi pengaruh Rasuliyyah dalam pemerintahan Mekah adalah sesuatu yang dijangkakan mencerminkan hubungan yang tidak baik antara Abu Numayy I dengan Mamluk pada ketika itu. Yang jelas perkara adalah faktor pengkhianatan Qalawun terhadap Abu Numayy I yang dibuat sebanyak tiga kali masing-masing pada 683H, 687H dan 689H yang membawa kepada perubahan tersebut. Selain itu al-Muzaffar menawarkan subsidi kewangan kepada Abu Numayy I berjumlah 80,000 Dinar iaitu tiga kali ganda berbanding peruntukan yang diberikan Mamluk beserta turut membekalkan komoditi yang lain.³⁴ Gambaran daripada penerimaan bantuan Rasuliyyah menunjukkan pihak Mamluk tidak mengurniakan sebarang subsidi ke Mekah ekoran permusuhan Qalawun terhadap Abu Numayy I. Dalam keadaan tersebut pengaruh Rasuliyyah mendapat tempat dalam pemerintahan Mekah yang memberikan implikasi yang positif kerana sumbangan mereka membantu mereka dikala waktu menghadapi kesukaran baik dari sudut politik mahupun kewangan.

Setelah kemangkatan Abu Numayy I pengaruh Rasuliyyah tetap berlangsung dalam kalangan Ashraf Mekah menerusi beberapa peristiwa. Antaranya ketika Sharif Mekah Rumaythah dan Humaydah enggan menghadapi Sultan al-Nasir Mamluk kerana dipercayai memanggil untuk menahan menyebabkan mereka berangkat ke Hali pada 713H/1313M.³⁵ Tindakan yang terbit daripada idea bernas oleh Humaydah untuk ke Hali yang mana wilayah tersebut berada dalam penguasaan Rasuliyyah. Hal ini sudah tentu dapat dilaksanakan dengan izin pemerintah Rasuliyyah yang cenderung membenarkan mereka berdua menetap disana. Strategi tersebut ternyata berkesan kerana panglima Mamluk Amir Taqsuba yang melancarkan operasi untuk mencari mereka terbatas dan tidak boleh melangkaui masuk kedalam Hali. Perkara tersebut difahami menerusi kata-katanya sepertimana diriwayatkan sebarang usaha atau izin untuk kesana memerlukan keizinan daripada al-Nasir terlebih dahulu kerana wilayah tersebut terletak dalam penguasaan musuh mereka. Pemilihan lokasi tersebut adalah strategik buat Rumaythah dan Humaydah kerana seandainya Amir Taqsuba menceroch masuk ke Hali perkara tersebut akan menimbulkan peperangan antara Mamluk dengan Rasuliyyah. Walaupun perkara tersebut tidak mengambil tempat, keizinan daripada pemerintah Rasuliyyah yang membenarkan mereka menetap di Hali membuahkan hasil yang positif apabila Taqsuba menyerah kalah dalam operasi tersebut sehingga mengudurkan diri ke Mesir menjelang Rabi al-Awwal 714H/Julai 1314M.³⁶ Dalam situasi tersebut dengan adanya kerjasama daripada pihak Rasuliyyah memberikan impak yang positif buat Rumaythah dan Humaydah dalam menghadapi Mamluk.

Hubungan yang mesra pemerintah Mekah dengan kerajaan Rasuliyyah turut membawa kepada berlakunya rusuhan di kota Mekah. Menurut Ibn Batutah seorang pedagang Yaman

³² Menurut Ibn Kathir kedua-dua pihak didamaikan oleh Qadi Besar Sham Muhammad bin Ahmad al-Khu'i (1229-1294 M) yang turut mengerjakan Haji dan setelah itu Abu Numayy I yang berada di Mekah menghantarnya pulang dengan aman dan selamat. Lihat Ibn Kathir, *Al-Bidayah Wa al-Nihayah*, 7:317.

³³ Al-Fasi, *Al-Aqd al-Thamin*, 2:154

³⁴ *Ibid.*, 2:155.

³⁵ Ibn Fahd, *Ihtaf al-Wara*, 3: 145-149

³⁶ *Ibid.*, 3: 151-152

yang menjadi mangsa rompak membuat aduan kepada Amir Aldamur al-Nasiri yang cuba manipulasikan keadaan tersebut menerusi helah politik apabila menugaskan seorang Sharif bernama Mubarak bin Utayfah bagi menyelesaikan kes tersebut. Mubarak yang ditugaskan mengurus hal ehwal pedagang Sham dengan tegasnya menyatakan perkara tersebut bukan bidang kuasanya sehingga membangkitkan kemarahan Aldamur yang memaki dan memukulnya.³⁷ Akibat daripada tindakan tersebut penduduk Mekah bangkit melawan askar Mamluk sehingga ramai yang terkorban termasuk Aidamur sendiri.³⁸ Implikasi daripada pengaruh Rasuliyah bukan sahaja mencabar kedudukan Mamluk tetapi mencetuskan permusuhan antara mereka dengan Ashraf Mekah sepertimana dalam peristiwa tersebut sesuatu yang bersifat negatif.

Tidak dinafikan pemerintah Mekah merupakan insan yang mulia kerana kearifan dalam soal mengiktiraf jasa dan kebaikan yang dihulurkan pihak lain. Walaupun Mamluk cuba mempengaruhi untuk tidak memberikan layanan yang baik, Rumaythah sendiri dan mengarahkan para Ashraf Mekah serta pengikut mereka dalam memberikan layanan yang sebaiknya ketika pemerintah Rasuliyah Sultan al-Muayyad berangkat mengerjakan haji pada 743H/1342M. Adab dan penghormatan yang dizahirkan Rumaythah adalah bertujuan untuk membalas kebaikan pemerintah Rasuliyah yang pernah membantunya dan Humaydah sewaktu berdepan dengan Mamluk. Walaubagaimanapun pengaruh Rasuliyah tidak memberikan implikasi yang cenderung mengikat Rumaythah untuk menerima semua nasihat mereka sepertimana Mamluk. Hal ini kerana Rumaythah berpendirian untuk menolak tawaran al-Muayyad untuk menggantikan tirai dan pintu Ka'bah sehingga menyebabkan pemerintah Yaman tersebut kurang senang. Sebab yang dikemukakan Rumaythah adalah kerana ingin memelihara hubungan baik dengan Mamluk.³⁹ Ini menunjukkan sikap neutral pemerintah Mekah tersebut sehingga tidak membenarkan dirinya dipengaruhi dan dimanipulasi baik oleh Mamluk mahupun pihak Rasuliyah sehingga melibatkan Mekah dalam permusuhan mereka. Perhubungan dengan pemerintah Rasuliyah menerusi peristiwa tersebut memberikan implikasi yang negatif terhadap Rumaythah apabila perkara tersebut dijadikan sebagai isu oleh Mamluk untuk menurunkannya.

Pihak Rasuliyah juga tidak menghalang kedatangan Ajlan bin Rumaythah ke Yaman pada 744H/1343M setelah Mamluk menahan saudaranya Thaqabah di Kaherah.⁴⁰ Situasi tersebut menjadikan Yaman sebagai tempat untuk menaburkan khidmat bakti kepada Mekah kerana daripada ketika berlakunya konflik antara al-Burnaqa dengan penduduk Mekah, Ajlan yang berada disana memberikan jaminan keselamatan buat jemaah haji melalui para Ashraf sehingga membolehkannya kembali ke Mekah dan dinaikkan Mamluk sebagai pemerintah.⁴¹ Walaupun Mamluk dan Rasuliyah saling bermusuhan namun hubungan baik antara pemerintah Mekah dengan Rasuliyah tidak menghalang mereka daripada melaksanakan sesebuah langkah yang cenderung memanfaatkan Mamluk dilihat implikasi yang positif dalam perhubungan antara Sharif Mekah dengan kerajaan Rasuliyah.

Pemerintah Rasuliyah telah mulai mencampuri urusan dalaman politik Mekah secara langsung menerusi pengangkatan dan penurunan pemerintah Mekah sehingga perkara tersebut memberikan implikasi negatif kerana mirip kepada dasar Mamluk. Perkara tersebut

³⁷ Mubarak bin Utayfah diberikan kuasa untuk menguruskan hal ehwal pedagang Sham manakala Aidamur terhadap pedagang Yaman. Lihat: Muhammad bin 'AbdAllah Ibn Batutah, *Rehlah-Tuhfah al-Nazar fi-Ghara'ib al-'Amsar wa 'Aja'ib al-'Asfar* (Rabat: Akademi Kerajaan Maghribi, 1417), 2:91.

³⁸ Ibid.

³⁹ Al-Fasi dalam *Shifa al-Gharam*. Lihat al-Siba'i, *Tarikh Mekah*, 311-312.

⁴⁰ Al-Fasi, *Al-Aqd al-Thamin*, 4:107.

⁴¹ Ibid., 5:190

bermula daripada helah politik Mamluk sendiri yang menerapkan dasar memperkenalkan empat orang syarik dan membahagikan Mekah oleh Sultan al-Kamil Sha'ban. Akibat daripada perlantikan tersebut mencetuskan konflik dalaman sehingga Thaqabah, Mughamis dan Sanad berangkat ke Yaman pada 750H/1349M.⁴² Perkara tersebut menjejaskan hubungan antara Rasuliyyah dengan pemerintah Mekah sepertimana didapati melalui hubungan Ajlan dengan pemerintah Rasuliyyah Sultan Ali bin al-Muayyad sewaktu datang mengerjakan haji pada 751H/1350M. Layanan baik tidak diberikan Ajlan terhadapnya kerana dirinya mendapati disebalik kehadiran pemerintah Yaman tersebut adalah untuk mengulingkan penguasaannya dengan menaikkan salah calon daripada saudara-saudara yang ke Yaman. Perkara tersebut mencetuskan perlawanan antara pihak Ajlan yang disokong Mamluk dengan pihak Ali di Mina sehingga menyebabkannya menyerah diri.⁴³ Keadaan tersebut dimanfaatkan pihak Mamluk apabila pada asalnya membenarkan Ali pulang ke Yaman tanpa membenarkan menyempurnakan ritual hajinya tetapi ditangkap kembali sewaktu di Yanbu' dan di buang negeri ke Karak untuk tempoh setahun.⁴⁴

Penguasaan Ajlan terhadap Hali Bani Ya'qub pada 763H/1362M dengan mengalahkan pemimpin mereka Ahmad bin Isa al-Harami merupakan kemuncak kepada reaksi pemerintah Mekah terhadap campurtangan Rasuliyyah di Mekah.⁴⁵ Sebab utama disebalik penguasaan wilayah Rasuliyyah adalah disebabkan dasar campurtangan mereka yang mengganggu gugat pemerintahan Ajlan dengan membantu menyalurkan bantuan kepada saudara-saudaranya untuk melakukan tentangan terhadapnya. Peristiwa tersebut memberikan implikasi terhadap perhubungan pemerintah Mekah dengan kerajaan Rasuliyyah sehingga menyebabkan mereka tidak semesra sepertimana dahulukala. Hal ini didapati menerusi hubungan Sharif Mekah Hasan bin Ajlan yang juga menunjukkan perhubungan kurang mesra dengan pemerintah Yaman tersebut menyebabkan pihak Rasuliyyah cenderung membantu anakanda saudaranya Rumaythah untuk berhadapannya sewaktu berhadapan dengan konflik. Disamping itu implikasi negatif pemerintah Rasuliyyah yang mengenakan sekatan perdagangan terhadap Hasan menambah lagi permasalahan kewangan yang dihadapinya pada ketika itu menunjukkan pihak Rasuliyyah memberikan tekanan terhadap pemerintah Mekah disebabkan pengaruh mereka mulai menghakis. Setelah daripada pemerinahan Hasan bin Ajlan tidak menunjukkan sebarang riwayat yang menyebutkan campurtangan Rasuliyyah dalam pemerintahan Mekah. Perkara tersebut didapati kerana kerajaan Rasuliyyah berada dalam keadaan yang lemah mulai tempoh 1430-1450M,⁴⁶ sehingga mereka tidak dapat memberikan tumpuan untuk mengembangkan pengaruh di Mekah. Akhirnya pemerintahan mereka yang tamat pada 1454M yang diambil alih oleh kerajaan Tahirid sekaligus menamatkan usaha tersebut.⁴⁷

⁴² Abdullah Al-Ghazi, *Ifadah al-Anam bi-Zikri Akhbar Balad Allah al-Haram* (Mekah: Maktabah al-Asadi, 2009), 3:199.

⁴³ Abu Fida' Ismail bin Umar Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 7:233.

⁴⁴ Al-Siba'i, *Tarikh Mekah*, 315

⁴⁵ Ibn Fahd, *Ghayat al-Maram*, 2: 152-153.

⁴⁶ Venetia Ann Porter, "The History and monuments of the Tahirid dynasty of the Yemen 858-923." (tesis kedoktoran, Durham University, Durham, 1992), 24-29

⁴⁷ Ibid.

Kesimpulan

Tindakan kuasa-kuasa besar tersebut mencampuri dan menyebarkan pengaruh mereka terhadap pemerintahan Mekah dibahagikan kepada dua bentuk implikasi iaitu secara positif dan negatif. Jika ditinjau secara positif persaingan antara mereka dilihat membantu apabila pemerintah Mekah berhadapan dengan masalah yang dicetuskan oleh salah satu maka salah satu yang lain akan membantu. Hal ini membantu mengekalkan pemerintahan Mekah daripada dimanipulasi atau eksploitasi oleh sesebuah pihak semata-mata. Antara bantuan yang disalurkan terutamanya subsidi kewangan dan bantuan ketenteraan dan sebagai balasan pemimpin mereka didoakan di Mekah kerana dengan ini menunjukkan kewujudan mereka mendapat pengiktirafan dalam dunia Islam sekaligus menambah pengaruh mereka. Manakala aspek yang negatif adalah campurtangan mereka dalam urusan dalaman pemerintahan Mekah seperti pemilihan calon pemerintah sehingga mereka menggunakan calon dalam kalangan Ashraf Mekah sebagai proksi mereka untuk berlawan terutamanya antara Rasuliyah dan Mamluk yang membawa masuk permusuhan ke Mekah dengan melibatkan Ashraf Mekah dalam hal berkenaan buat sebuah tempoh yang panjang. Walaubagaimanapun apabila persaingan antara kuasa-kuasa Mekah telah terhapus setelah Rasuliyah hal tersebut menjadikan pihak Mamluk semakin berkuasa membolehkan mereka bertindak sewenang-wenangnya menerusi dasar mereka terhadap Mekah.

Rujukan

- Akasoy Anna, "The Muhaqqiq as Mahdi?," dalam *Eschatologie in den monotheistischen weltreligionen*, ed. Wolfram Brandes dan Felicitas Schmieder. Berlin: Walter de Gruyter GmbH & Co. KG, 2008.
- Amitai-Preiss, Reuven, *Mongols and Mamluks: The Mamluk-Ilkhanid War, 1260-128*. Cambridge: Cambridge University Press, 1995.
- De Gaury, Gerald, *Rulers of Mecca*. London: George G. Harrap & Co. LTD, 1951.
- Al-Fasi, Taqi al-Din Muhammad bin Ahmad al-Hasani, *Al-Aqd al-Thamin fi-Tarikh al-Balad al-Amin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1998.
- _____, *Shifa’ al-Gharam bi-Akhbar Balad al-Haram*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2000.
- Al-Ghazi, Abdullah, *Ifadah al-Anam bi-Zikri Akhbar Balad Allah al-Haram*. Mekah: Maktabah al-Asadi, 2009.
- Al-Maqrizi, Ahmad bin Ali bin Abd al-Qadir, *al-Suluk li Ma’rifah Dual al-Mamluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1997.
- Al-Qalqashandi, Ahmad bin Ali bin Ahmad, *al-Subh al-Ashya’ fi Sona’ah al-Ishya’*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2012.
- Al-Shamaa’, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad, *al-Adalah al-Bayyinah al-Nuraniyah fi Mafakhir al-Dawlah al-Hafsiyah*. Tunisia: Dar al-Arabiyah lil Kitab, 1984.

- Al-Siba'i, Ahmad bin Muhammad Ahmad, *Tarikh Mekah*. Arab Saudi: Maktabah al-Malik Fahd, t.t..
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Beirut: Dar al-Turath, 1967.
- Fattah, Hala dan Caso, Frank, *A Brief History of Iraq*. New York: Facts On File, Inc., 2009.
- Hope, Michael, *Power, Politics, and Tradition in the Mongol Empire and the Ilkhanate of Iran*. Oxford: Oxford University Press, 2016.
- Ibn Fahd, 'Az al-Din 'Abd al-'Aziz bin Umar, *Ihtaf al-Wara bi-Akhbar Umm al-Qura*. Mekah: Universiti Umm al-Qura', 1988.
- _____, *Ghayat al-Maram bi-Akhbar Saltanat al-Bilad al-Haram*. Mekah: Universiti Umm al-Qura', 1988.
- Ibn Kathir, Abu Fida' Ismail bin Umar, *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t..
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad, *Kitab al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabr fi Tarikh al-'Arab wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar*. Lubnan: Dar al-Fikr, 2001.
- Jackson, Peter, *The Mongol and the Islamic World: From Conquest to Conversion*. Wales: Yale University Press, 2017.
- Lambton, Ann K.S., *Continuity and Change in Medieval Persia*. New York: Bibliotheca Persica, 1988.
- Melville, Charles, "'The Year of the Elephant' Mamluk-Mongol Rivalry in the Hejaz in the Reign of Abu Said (1317-1335)." *Studia Iranica* 21 (1992), 197-214.
- Middleton, John, *World Monarchies and Dynasties*. Oxon: Routledge, 2005.
- Peters, F.E., *Mecca: A Literary History of the Muslim Holy Land* (New Jersey: Princeton University Press, 1994.
- Porter, Venetia Ann, "*The History and monuments of the Tahirid dynasty of the Yemen 858-923.*" tesis kedokteran, Durham University, Durham, 1992.
- Trainor, Kevin, "The Career of Siddhartha," dalam *Buddhism: The Illustrated Guide*, ed. Kevin Trainor. New York: Oxford University Press, Inc, 2001.
- Westerveld, Govert, *Ibn Sab'in of the Ricote Valley; The First and Last Islamic Place in Spain*. Spain: Academia de Estudios Humanisticos de Blanca, 2014.